



Ruj. Kami : Bil (34)KKM/62/BPKK(M)/MM1 Jld. 12
Tarikh : 4 Ogos 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PANDUAN PELAKSANA BAGI PROSEDUR SIASATAN DAN PELAPORAN SERTA PENENTUAN STATISTIK KEMATIAN IBU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, berikutan dengan kekeliruan yang dibangkitkan oleh pihak negeri di dalam prosedur siasatan dan pelaporan serta penentuan statistik kematian ibu, Bahagian ini telah menyediakan Panduan Pelaksana Prosedur Siasatan dan Pelaporan serta Penentuan Statistik Kematian Ibu. Panduan ini telah dibentangkan dan dibincang bersama Pegawai Kesihatan Keluarga Negeri dan Penyelia Jururawat Kesihatan Negeri semasa Taklimat Penggunaan Garis Panduan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Ibu pada 7 Mei 2014 yang lalu dan telah ditambahbaik.

3. Susulan dari itu, *soft copy* slaid pembentangan berkenaan panduan ini telah pun diedarkan kepada semua wakil JKN yang hadir semasa taklimat tersebut. Justeru itu, bersama ini disertakan dokumen berkaitan yang telah dipersetujui oleh pihak JKN untuk digunapakai sebagai rujukan iaitu:

- i. Panduan Pelaksana bagi Prosedur Siasatan dan Pelaporan Kematian Ibu (**Lampiran 1**)
- ii. Carta Alir Penentuan Statistik Kes Kematian Ibu (**Lampiran 2**)

4. Adalah diharapkan agar panduan ini dapat meningkatkan kelancaran dan keberkesanan di dalam prosedur siasatan, pelaporan dan penentuan statistik kematian ibu. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memastikan pelaksanaannya amatlah dihargai. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan:

- i. Dr. Zul Azuin bt Zulkifli (Ketua Penolong Pengarah, Unit Kesihatan Ibu)
Tel: 03-8883 4040 ; Emel: dr.zulazuin@moh.gov.my
- ii. Pn. Suzana binti Kipli (Ketua Jururawat Kesihatan, Unit Kesihatan Ibu)
Tel: 8883 4092; Emel : suzana_kipli@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TO' PUAN DR. SAFURAH BINTI JAAFAR) MMC 24123

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kementerian Kesihatan Malaysia

ZAZ/kk/nhk/040814

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
& Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

PANDUAN PELAKSANA BAGI PROSEDUR SIASATAN DAN PELAPORAN KEMATIAN IBU

		PENJELASAN BAGI KEADAAN TERTENTU	
PROSEDUR	PELAKSANA	TANGGUNGJAWAB	
Notifikasi kes kematian	<ul style="list-style-type: none"> • DAERAH di mana kematian berlaku. 	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah berkenaan melaporkan kes kematian mengikut kaedah notifikasi kematian ibu yang sedia ada. 	
Siasatan kes kematian	<ul style="list-style-type: none"> • DAERAH di mana kematian berlaku. 	<ul style="list-style-type: none"> • Daerah berkenaan menjadi koordinasi siasatan dan penyediaan laporan konsolidasi kematian untuk dibincang diperingkat daerah sebelum ke negeri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jika kes melibatkan Daerah yang berlainan dari Daerah tempat kematian tetapi dari Negeri yang sama, penyiasatan ditentukan oleh JKN. • Jika kes melibatkan Negeri yang berlainan dari Negeri tempat kematian, siasatan kes perlu dijalankan oleh Daerah di mana tempat kematian berlaku. • Maklumat antenatal atau jagaan yang berkaitan perlu diminta dari Daerah / Negeri asal kes.


PROSEDUR	PELAKSANA	TANGGUNGJAWAB	PENJELASAN BAGI KEADAAN TERTENTU
Penyediaan Laporan Akhir Kematian <i>(Consolidation Report)</i>	<ul style="list-style-type: none"> DAERAH di mana kematian berlaku. 	<ul style="list-style-type: none"> Daerah berkenaan mesti menyediakan laporan akhir untuk dibincang diperingkat daerah sebelum ke negeri. 	<ul style="list-style-type: none"> Jika kes melibatkan Daerah selain dari Daerah tempat kematian tetapi dari Negeri yang sama, penyediaan laporan ditentukan oleh JKN. Jika kes melibatkan Negeri yang berlainan dari Negeri tempat kematian, penyediaan laporan konsolidasi akhir dibuat oleh Daerah di mana tempat kematian berlaku. Maklumat terperinci bagi penyediaan laporan perlu diminta dari Daerah/ Negeri asal kes. <p>Laporan tersebut dihantar ke NEGERI berkaitan dan salinan ke Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM. NEGERI berkaitan boleh menyediakan ulasan bagi kes.</p>

(*) – kelonggaran bagi daerah yang mempunyai hospital rujukan utama atau hospital universiti. Ia tertakluk kepada penetapan oleh pihak JKN

NOTA PERINGATAN:

- Semua kes kematian ibu perlu dibuat laporan konsolidasi akhir **termasuk warganegara asing** yang bermastautin dan tidak bermastautin di Malaysia.
- Laporan konsolidasi akhir termasuk kes *preventable/ non preventable* perlu dinyatakan penyebab kematian serta kod ICD 10 setelah perbincangan diperingkat negeri.
- Bagi kes kematian kemalangan jalan raya (MVA) di mana ibu meninggal dunia ditempat kejadian, notifikasi kes dilaksanakan oleh negeri tempat kematian. Siasatan dan laporan akhir kematian dibuat oleh negeri mengikut alamat tetap ibu.
- Perpindahan kes – pihak JKN perlu mengemukakan surat rasmi** untuk memaklumkan perpindahan statistik kes kematian kepada JKN yang berkenaan dan sesalinan ke BPKK.

CARTA ALIR PENENTUAN STATISTIK KES KEMATIAN IBU



Definisi :

Alamat tetap - alamat terkini dan menetap lebih 6 bulan

Alamat semasa - alamat terkini tanpa mengira tempoh